

SOALAN 1 - ANEKA PILIHAN

Pilih jawapan yang betul dengan menulis **A**, **B**, **C** atau **D** di dalam petak yang disediakan.

1. Gaya hidup yang sihat bermaksud _____.
A. mementingkan kesihatan fizikal
B. mementingkan kesihatan mental
C. mementingkan kesihatan fizikal dan mental
D. mementingkan kesihatan fiizikal, mental dan emosi

2. Cara menjaga atau mengamalkan gaya hidup sihat ialah _____.
A. menjaga maruah keluarga dan pergaulan diri.
B. Melibatkan diri dengan bahan-bahan terlarang.
C. pergaulan yang bebas
D. berkawan dengan orang dewasa / usia lebih tua

3. Sikap _____ amat disarankan di dalam kehidupan berkeluarga.
A. tamak
B. sombong
C. prihatin
D. berat tulang

4. _____ ialah tempat murid-murid menuntut ilmu pengetahuan secara formal.
A. Perpustakaan
B. Rumah sakit
C. Gera
D. Sekolah

5. Berikut adalah ciri-ciri rakan sebaya yang baik kecuali:
A. suka ponteng sekolah
B. Menyabarkan kawan ketika marah
C. Prihatin dengan kesusahan kawan
D. Bersikap jujur

6. Antara sikap yang perlu ada pada setiap murid untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran adalah seperti:

- A. melanggar peraturan
- B. bijak mengatur masa
- C. suka ponteng
- D. meniru ketika ujian

☐

7. Kita janganlah menghina dan merendah-rendahkan maruah orang lain sehingga mereka berasa malu, kecil hati dan _____

- A. gembira
- B. tersinggung
- C. besar hati
- D. bangga

☐

8. Brunei mencapai kemerdekaannya pada _____.

- A. 1 Januari 1974
- B. 23 Februari 1984
- C. 1 Januari 1984
- D. 1 Julai 1946

☐

9. Orang yang pandai menyimpan rahsia adalah orang yang _____.

- A. sombong
- B. adil
- C. pengkhianat
- D. amanah

☐

10. Masa yang terhad boleh menyebabkan kita bertindak _____.

- A. tergopoh-gapah dan hasil kerja tidak sempurna.
- B. tergopoh-gapah dan hasil kerja baik.
- C. tergopoh-gapah dan hasil kerja bagus.
- D. tergopoh-gapah dan hasil kerja sangat cemerlang.

☐

11. Kita hendaklah sentiasa bersikap _____ membantu ibu bapa meringankan bebanan kerja seharian mereka.

- A. ringan tulang
- B. berat tulang
- C. berpeluk tubuh
- D. ringan mulut

☐

12. Kita hendaklah sentiasa menjaga kebersihan tempat tinggal seperti

- A. membuang sampah ke dalam longkang
- B. Berludah di atas lantai
- C. Mengemas dan membersihkan bilik tidur
- D. Membiarkan air bertakung

☐

13. Rakyat Negara Brunei Darussalam terdiri daripada _____ rumpun puak.

- A. lima
- B. enam
- C. tujuh
- D. lapan

☐

14. Sifat yang perlu ada bagi seseorang yang bertanggungjawab terhadap keluarga ialah:

- A. bermasam muka dan marah-marah.
- B. tolong- menolong dan meninggikan diri.
- C. bersopan - santun dan membersihkan diri.
- D. hormat-menghormati dan sentiasa bekerjasama

☐

15. Kita hendaklah bijak memilih rakan kerana:

- A. ada kawan yang baik dan yang tidak baik.
- B. ada rakan yang baik-baik sahaja.
- C. semua kawan sangat baik.
- D. ada kawan yang kuat dan ada yang lemah.

☐

16. Kita mestilah mengamalkan sikap _____ dalam hidup berjiran.

- A. bertolak-ansur
- B. berdegil.
- C. Hasad dengki
- D. Benci-membenci

☐

17. Cara menjadikan diri kita sebagai seorang yang berilmu ialah _____.

- A. melawan cakap guru.
- B. banyak membaca buku.
- C. malu bertanya.
- D. banyak cakap

☐

18. Elakkan melakukan pembakaran secara terbuka bagi menjamin _____

Yang bersih.

- A. air
- B. laut
- C. udara
- D. pantai

☐

19. Pakaian yang sesuai digunakan bagi lelaki ketika menghadiri majlis perkahwinan ialah _____.

- A. baju kemeja
- B. baju sukan
- C. baju kotor
- D. baju cara melayu

☐

20. _____ adalah salah satu lagu melayu asli Brunei.

- A. indung anak
- B. gulingtangan
- C. gong
- D. gendang labik

☐

MENANDAKAN BETUL ATAU SALAH

Sila tulis huruf **(B)** bagi ayat yang **BETUL** dan **(S)** bagi ayat yang **SALAH**.

BIL.	SOALAN	(B) atau (S)
1.	Keluarga amat penting bagi setiap individu.	
2.	Amalan ziarah-menziarahi bermaksud badudun.	
3.	Amalan bersedekah menjadikan kita miskin.	
4.	Mengisi masa lapang dengan leka bermain permainan video dapat membantu murid-murid berjaya dalam pelajaran.	
5.	Jongsarat adalah antara hasil tenunan Brunei.	
6.	Sultan Haji Hassanah Bolkiah Muizzaddin Waddaulah adalah Sultan Brunei ke -29.	
7.	Belilah barang-barang yang kita inginkan setiap bulan.	
8.	Malas menghadiri majlis jemputan adalah sikap yang baik.	
9.	Hindari dari berkawan dengan budak-budak yang suka membuli	
10.	Cepat-cepat memohon maaf jika kita melakukan kesalahan.	

BIL.	SOALAN	(B) atau (S)
11.	Musibah bermaksud bencana, malapetaka dan kecelakaan seperti kemalangan, kebakaran dan kematian.	
12.	Amalkan sikap suka menabung duit yang kita ada.	
13.	Memakai pakaian yang menjolok mata adalah dilarang dalam agama Islam.	
14.	Membiarkan binatang peliharaan kita berkeliaran ke kawasan rumah jiran.	
15.	Menjadi tetamu ketika majlis suka duka jiran tetangga.	
16.	Merajuk dan marah kerana ibu bapa tidak mmenuhi kehendak kamu ketika keluar membeli-belah.	
17.	Ketika lagu kebangsaan "Allah Peliharakan Sultan" dinyanyikan, kita perlu berdiri dan berhenti sebagai tanda hormat.	
18.	Kita hendaklah sentiasa bersyukur dengan apa yang dimiliki.	
19.	Kerja sekolah dan kerja rumah tidak perlu disiapkan atau dihantar.	
20.	Memandu tanpa lesen yang sah adalah digalakkan.	

MENGISI TEMPAT KOSONG

Isikan tempat-tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

negara	ilmu	tercicir	ponteng	imej
--------	------	----------	---------	------

SIKAP TANGGUNGJAWAB

Para pelajar hendaklah menjaga dan menaikkan (1) _____ sekolah kerana kita mendapat pelbagai (2) _____ yang bermanfaat daripada guru-guru. Antara cara-cara menjaga nama dan imej sekolah ialah tidak (3) _____ iaitu tidak hadir ke sekolah tanpa sebab. Ponteng sekolah merugikan pelajar itu sendiri , keluarga dan (4) _____. Jika ramai yang ponteng sekolah, maka ramailah pelajar yang tidak berilmu dan (5) _____.

MEMILIH DAN MENYENARAIKAN NILAI-NILAI

Lihat jadual di bawah ini. Senaraikan ciri-ciri kelakuan yang baik dan kelakuan yang tidak baik berdasarkan maklumat yang disediakan.

Rajin mengulangkaji pelajaran	Berdoa sebelum masuk tandas
Suka bercakap besar	Suka membantu guru dan ibu bapa
Membiarkan kawan dalam kesusahan	Berpakaian kotor ke sekolah
Tidak ponteng sekolah	Merosakan barang yang dipinjam
Senyum dan saling bertegur sapa	Berburuk sangka dan iri hati

KELAKUAN YANG BAIK	KELAKUAN YANG TIDAK BAIK
1.	1.
2.	2.
3.	3.
4.	4.
5.	5.

PADANKAN AYAT

Padankan **NILAI-NILAI MURNI** di dalam **Petak A** yang sesuai maksudnya dengan **Petak B**. Tuliskan HURUF di ruang jawapan yang disediakan di dalam **Petak A**.

PETAK A		
Nilai-nilai murni		JAWAPAN
1	Pupus	
2	Ikrar	
3	Gigih	
4	Patriotik	
5	Pengsan	
6	Bersemayam	
7	Silaturahmi	
8	Barah	
9	Tip	
10	Mental	

PETAK B	
Maksud	
A	Mencintai dan mempertahankan kedaulatan negara
B	Hubungan persaudaraan, kekeluargaan dan persahabatan.
C	Duduk atau tinggal (di atas takhta, singgahsana.
D	Maklumat yang sangat berguna
E	Hilang atau lenyap
F	Tidak sedarkan diri
G	Akal / Fikiran
H	Janji
I	Rajin berusaha
J	Kanser